KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

K S S R

MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MATEMATIK



TAHUN 6

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MATEMATIK

TAHUN 6

Terbitan

bpk

Bahagian Pembangunan Kurikulum

2015

Cetakan Pertama 2015
© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

ISI KANDUNGAN

		MUKA SURAT
Isi Kandungan		iii
Pendahuluan		v
Penjelasan Dan Penggunaan Modul		vi
NOMBOR DAN OPERASI		
1.2(i)	Mengenal pasti nombor perdana dalam lingkungan 100	1
1.3(i)	Membaca,menyebut dan menulis sebarang nombor hingga tujuh digit dalam perpuluhan juta yang melibatkan situasi harian.	7
1.3(iv)	Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan nombor bulat, perpuluhan dan pecahan melibatkan operasi penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian dan operasi bergabung termasuk penggunaan anu dalam situasi yang diberi.	13
2.1(i)	Mendarab sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bercampur.	17
2.2(ii)	Membahagi sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bulat.	22
2.3(i)	Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan pendaraban dan pembahagian pecahan.	29
3.1(ii)	Mendarab dan membahagi perpuluhan dengan nombor bulat dan perpuluhan hasilnya hingga tiga tempat perpuluhan melibatkan situasi harian.	39
4.1(i)	Menyelesaikan masalah harian termasuk simpanan dan pelaburan yang melibatkan peratus.	45
5.1(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, **bil, rebat,** aset dan liabiliti, faedah dan cukai perkhidmatan.	57
5.1(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, bil, rebat**, aset dan liabiliti**, faedah dan cukai perkhidmatan.	66
5.1(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan untung dan rugi, diskaun, harga kos, harga jual, bil, rebat**,** aset dan liabiliti, **faedah dan cukai perkhidmatan**.	71

SUKATAN DAN GEOMETRI

6.1(i)	Hubungan antara sistem 12 jam dengan sistem 24 jam**.**	81
6.1(ii)	Menyatakan tempoh masa dalam sebarang unit masa.	88
6.2(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan masa termasuk Zon masa.	95
7.1(i)	Menyelesaikan masalah harian melibatkan panjang, jisim dan isi padu cecair termasuk gabungan unit.	105
8.1(i)	Melukis bentuk poligon hingga lapan sisi pada petak segi empat sama dan segitiga sama sisi dan mengukur sudut-sudut yang terbentuk.	107
8.1(ii)	Menyatakan ciri-ciri poligon	115
8.2(i)	Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan perimeter dan luas bentuk gabungan dua dimensi.	120
8.3(i)	Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan luas permukaan dan isi padu bentuk gabungan tiga dimensi.	129

PERKAITAN DAN ALGEBRA

9.1(i)	Menentukan jarak mengufuk dan jarak mencancang Antara dua titik.	137
10.1(i)	Mewakilkan nisbah dua kuantiti dalam bentuk a : b atau $\frac{a}{b}$, yang melibatkan nisbah: a) bahagian kepada bahagian. b) bahagian kepada keseluruhan. c) keseluruhan kepada bahagian.	144

STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN

12.1(i)	Menyatakan sama ada suatu peristiwa dalam kehidupan harian yang mungkin berlaku atau tidak mungkin berlaku.	153
12.1(i)	Menyatakan kebolehjadian suatu peristiwa sebagai mustahil, kecil kemungkinan, sama kemungkinan, besar kemungkinan atau pasti.	156

SENARAI PENYUMBANG 161

PENDAHULUAN

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan bertujuan melahirkan murid yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta menyediakan mereka untuk menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Matematik di peringkat sekolah rendah adalah satu mata pelajaran asas yang menegaskan kepada penguasaan bahasa matematik, kefahaman konsep, penguasaan kemahiran mengira, menaakul dan kemahiran menyelesaikan masalah serta penerapan nilai-nilai murni. Elemen kreativiti, keusahawanan dan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) perlu diterapkan melalui konteks yang sesuai bagi setiap standard pembelajaran.

Sebagai usaha panduan dan pencetus idea, modul pengajaran dan pembelajaran ini disediakan bagi membantu guru merealisasikan tuntutan dan hasrat KSSR melalui pendidikan matematik. Keberkesanan pelaksanaan KSSR memerlukan guru menghayati kehendak dan semangat pendidikan matematik seperti mana yang tersurat dalam dokumen KSSR Matematik dan diterjemahkan dalam modul ini. Adalah diharapkan modul ini dapat membantu guru melaksanakan kurikulum matematik yang dihasratkan dapat menyediakan murid yang lebih berdaya saing, membentuk insan yang seimbang dan dapat menyumbang kepada keharmonian serta kesejahteraan negara.

Modul ini memuatkan beberapa maklumat berhubung dengan senarai standard pembelajaran yang perlu diajar serta cadangan aktiviti dan latihan. Modul ini boleh diguna pakai sebagai pencetus idea. Namun begitu, guru juga boleh mengubah suai dan mengembangkan lagi aktiviti dan latihan yang dicadangkan.

Dalam proses penyediaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tahun 6, banyak pihak yang turut sama terlibat. Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan kepakaran, masa dan tenaga hingga terhasilnya modul ini, Kementerian Pelajaran merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

PENJELASAN MODUL

Modul ini merupakan panduan yang boleh diguna oleh guru di peringkat sekolah. Ia merupakan contoh yang boleh digunakan di dalam bilik darjah. **Pengubahsuaian boleh dilakukan** berdasarkan situasi persekitaran pembelajaran murid. Modul ini dibangunkan berdasarkan kepada empat fasa kreativiti yang menjadi teras kepada pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

PENGGUNAAN MODUL

Standard minima yang perlu dicapai oleh setiap murid.

Cadangan latihan atau kerja bertulis yang boleh dilakukan.

Merupakan contoh pengajaran, guru boleh mengubahsuai berdasarkan situasi dan aktiviti tambahan yang difikir perlu bagi mencapai standard pembelajaran

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi

Merupakan pemeringkatan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan elemen kreativiti dan inovasi.

Merupakan cadangan bentuk soalan atau pertanyaan yang dikemukakan.

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Kurikulum Standard Sekolah Rendah

MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

MATEMATIK

TAHUN 6

NOMBOR DAN OPERASI

Terbitan

bpk

Bahagian Pembangunan Kurikulum

2015

Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Nombor Dan Operasi

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:
1.2 Nombor Perdana

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:
i) Mengenal pasti nombor perdana dalam lingkungan 100.

Masa: 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian dan Analisis	a. Minta murid sebutkan empat nombor dalam lingkungan 1 hingga 20. Contoh: 3 7 12 18 b. Minta murid bincang dan senaraikan ayat matematik seperti berikut: 3 = 3 × 1 = 1 × 3 7 = 1 × 7 = 7 × 1 12 = 12 × 1 = 1 × 12 = 4 × 3 = 3 × 4 = 2 × 6 = 6 × 2 18 = 1 × 18 = 18 × 1 = 2 × 9 = 9 × 2 = 3 × 6 = 6 × 3 c. Cadangkan dengan nombor yang lain pula.	Pilih dan sebutkan empat nombor dalam lingkungan yang kamu pilih di antara nombor 1 hingga 20? Senaraikan pasangan nombor yang boleh dibentuk untuk jadikan ayat matematik darab yang lengkap, supaya hasil darabnya adalah nombor yang anda pilih.

2. Imaginasi

Penjanaan Idea

Aktiviti 1:

a. Paparkan nombor 1 hingga 100 menggunakan Petak 100.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
91	92	93	94	95	96	97	98	99	100

Perhatikan nombor-nombor yang tertera pada Petak 100.

Bahagikan semua nombor pada Petak 100 dengan 1. Apakah hasil bahaginya?

b. Minta murid perhatikan apa yang tertera pada Petak 100. Bincangkan.

c. Minta murid bincangkan apakah berlaku apabila semua nombor tersebut dibahagikan dengan 1.

d. Minta murid bincangkan nombor di antara 2 hingga 20 yang boleh dibahagikan dengan 2, 3, 5, dan 7 tanpa baki (Jelaskan mengapa guru tidak gunakan pembahagi dengan 4, 6, 8, dan 9).

	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20

Bahagikan nombor 2 hingga 20 dengan 2, 3, 5, 7 tanpa baki. Tandakan.

Senaraikan nombor-nombor yang hanya boleh dibahagi dengan 1 dan nombornya sendiri sahaja.

i. Tandakan nombor-nombor tersebut.
ii. Senaraikan nombor-nombor yang hanya boleh dibahagi dengan 1 dan nombornya sendiri.

e. Jelaskan kepada murid apa itu nombor perdana.
i. Nombor yang lebih daripada 1.
ii. Hanya boleh dibahagi dengan 1.
iii. Hanya boleh dibahagi dengan nombor sendiri sahaja.

Nota: Perkukuhkan kefahaman murid bahawa 1 tidak termasuk dalam nombor perdana.

<table>
<tr>
<td></td>
<td>

Aktiviti 2:

a. Minta murid bincangkan nombor pada baris dua, bagikan kad atau borang seperti di bawah:
Contoh

<table>
<tr><th>Nombor</th><th>Maklumat</th><th>Tandakan</th></tr>
<tr><td rowspan="3">11</td><td>Boleh ÷ dengan 1</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Boleh ÷ dengan nombor sendiri</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Boleh ÷ dengan nombor lain</td><td>×</td></tr>
<tr><td colspan="2">Nombor Perdana</td><td>✓</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Nombor</th><th>Maklumat</th><th>Tandakan</th></tr>
<tr><td rowspan="3">12</td><td>Boleh ÷ dengan 1</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Boleh ÷ dengan nombor sendiri</td><td>✓</td></tr>
<tr><td>Boleh ÷ dengan nombor lain</td><td>✓</td></tr>
<tr><td colspan="2">Nombor Perdana</td><td>×</td></tr>
</table>

b. Ulang aktiviti bagi nombor 13 hingga 20 di baris dua pada Petak 100 dan rumuskan nombor perdana seperti di bawah:

<table>
<tr><td>11</td><td>12</td><td>13</td><td>14</td><td>15</td><td>16</td><td>17</td><td>18</td><td>19</td><td>20</td></tr>
</table>

Nombor berwarna merupakan nombor perdana.

</td>
<td>Lihat borang yang guru edarkan. Cuba kamu isikan nombor 11 hingga 20 di ruang nombor kemudian buat rumusan berdasarkan ruang maklumat yang disediakan.

Tandakan nombor tersebut sama ada nombor perdana atau bukan.</td>
</tr>
<tr>
<td>

3. Perkembangan

Penambahbaikan

Menilai

</td>
<td>

a. Bahagikan murid kepada 8 kumpulan dan setiap kumpulan berikan kumpulan nombor mengikut baris. Satu kumpulan menyelesaikan satu baris.

<table>
<tr><td>21</td><td>22</td><td>23</td><td>24</td><td>25</td><td>26</td><td>27</td><td>28</td><td>29</td><td>30</td></tr>
<tr><td>31</td><td>32</td><td>33</td><td>34</td><td>35</td><td>36</td><td>37</td><td>38</td><td>39</td><td>40</td></tr>
<tr><td>41</td><td>42</td><td>43</td><td>44</td><td>45</td><td>46</td><td>47</td><td>48</td><td>49</td><td>50</td></tr>
<tr><td>51</td><td>52</td><td>53</td><td>54</td><td>55</td><td>56</td><td>57</td><td>58</td><td>59</td><td>60</td></tr>
<tr><td>61</td><td>62</td><td>63</td><td>64</td><td>65</td><td>66</td><td>67</td><td>68</td><td>69</td><td>70</td></tr>
<tr><td>71</td><td>72</td><td>73</td><td>74</td><td>75</td><td>76</td><td>77</td><td>78</td><td>79</td><td>80</td></tr>
<tr><td>81</td><td>82</td><td>83</td><td>84</td><td>85</td><td>86</td><td>87</td><td>88</td><td>89</td><td>90</td></tr>
<tr><td>91</td><td>92</td><td>93</td><td>94</td><td>95</td><td>96</td><td>97</td><td>98</td><td>99</td><td>100</td></tr>
</table>

</td>
<td>Setiap kumpulan selesaikan satu baris. Kumpulan 1 baris 1, kumpulan 2 baris 2 hingga kumpulan 8 baris 8.</td>
</tr>
</table>

b. Kumpulan murid juga dibekalkan dengan borang kosong seperti di bawah:

Nombor	**Maklumat**	**Tandakan**
	Boleh ÷ dengan 1	
	Boleh ÷ dengan nombor sendiri	
	Boleh ÷ dengan nombor lain	
Nombor Perdana		

c. Kumpulan murid mengelaskan nombor perdana atau bukan.

d. Bincangkan bersama-sama hasil kerja serta kelaskan kumpulan nombor perdana.

e. Bincangkan juga kumpulan nombor 2 hingga 10.

f. Rumuskan dan paparkan nombor-nombor perdana pada murid.

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27	28	29	30
31	32	33	34	35	36	37	38	39	40
41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
51	52	53	54	55	56	57	58	59	60
61	62	63	64	65	66	67	68	69	70
71	72	73	74	75	76	77	78	79	80
81	82	83	84	85	86	87	88	89	90
91	92	93	94	95	96	97	98	99	100

4. Tindakan
Pelaksanaan

Amalan Berterusan

a. Edarkan Lembaran Kerja 1 dan Lembaran Kerja 2 kepada setiap murid.

b. Bincangkan hasil kerja murid.

Selesaikan aktiviti yang cikgu berikan.

Pentaksiran

Berdasarkan kepada keupayaan murid menyatakan maksud nombor perdana dan mengenal pasti nombor perdana dan menjawab soalan di lembaran kerja. Murid perlu menjawab dengan betul kesemua soalan.

Nilai dan Sikap

Bekerjasama, tolong menolong, bertolak ansur, berdikari dan berusaha.

Lembaran Kerja 1

Suaikan.

2		50
84	Nombor Perdana	37
97		62
99	Bukan Nombor Perdana	29
73		61
83		14

Lembaran Kerja 2

1. Senaraikan nombor perdana hingga 100.



Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Nombor Dan Operasi

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:

1.3 Nombor hingga tujuh digit

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:

(i) Membaca,menyebut dan menulis sebarang nombor hingga tujuh digit dalam perpuluhan juta yang melibatkan situasi harian.

Masa: 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian dan Analisis	a. Paparkan satu kad situasi seperti di bawah: Sebuah syarikat percetakan menggunakan 2.03 juta helai kertas dalam masa seminggu. Dalam masa sebulan syarikat itu memerlukan 8.12 juta helai kertas. b. Minta murid bincangkan situasi di atas. c. Minta murid menyebut jumlah penggunaan kertas untuk: i. Seminggu, ii. Sebulan. d. Ulang aktiviti c dengan meminta murid membaca dan menulis nombor yang terlibat dalam situasi di atas.	
2. Imaginasi Penjanaan Idea	a. Sediakan kad perkataan dan kad nombor. Contoh:	Padankan kad nombor dan kad perkataan yang betul

	 b. Murid membaca kad perkataan dan menulis nombor. Contoh: Sifar perpuluhan sifar sifar tiga juta Sifar perpuluhan lima juta Lima perpuluhan lapan juta Tiga perpuluhan enam dua juta	Baca kad perkataan dan kad nombor yang sepadan iii. Tulis nombor yang betul berdasarkan kad perkataan yang di beri.
3. Perkembangan Penambahbaikan Menilai	Permainan cari nombor tersembunyi. a. Secara berpasangan. Edarkan set soalan. Contoh kad arahan: i. Cari dan warnakan perpuluhan.	i. Baca arahan pada kad ii. Selesaikan tugasan anda

<table>
<tr>
<td></td>
<td>
ii. Perpuluhan tersebut mestilah tidak melebihi tiga tempat perpuluhan.
iii. Tulis semula nombor yang dijumpai dalam bentuk perpuluhan dan dalam bentuk perkataan pada kertas jawapan yang diberi

Contoh kad nombor tersembunyi:

<table>
<tr><td>5</td><td>.</td><td>7</td><td>0</td><td>1</td></tr>
<tr><td>.</td><td>4</td><td>5</td><td>2</td><td>.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>9</td><td>.</td><td>.</td><td>7</td></tr>
<tr><td>4</td><td>.</td><td>6</td><td>3</td><td>3</td></tr>
<tr><td>8</td><td>5</td><td>.</td><td>0</td><td>.</td></tr>
<tr><td>0</td><td>.</td><td>4</td><td>1</td><td>7</td></tr>
<tr><td>0</td><td>8</td><td>.</td><td>0</td><td>1</td></tr>
</table>

Contoh kertas jawapan:

<table>
<tr><td>Nombor</td><td>Perkataan</td></tr>
<tr><td><u>5.701</u> juta</td><td><u>Lima perpuluhan tujuh sifar satu</u> juta</td></tr>
<tr><td></td><td></td></tr>
</table>
</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td>4. Tindakan
Pelaksanaan Amalan Berterusan</td>
<td>a. Edarkan Lembaran Kerja 3 hingga Lembaran Kerja 5.

b. Membincangkan hasil kerja.</td>
<td>i. Jawab semua soalan

ii. Kita akan berbincang</td>
</tr>
<tr>
<td>Pentaksiran</td>
<td colspan="2">Berdasarkan keupayaan murid untuk menjawab soalan semasa aktiviti dan lembaran kerja. Murid perlu betul kesemua soalan yang diberi sebelum bergerak ke kemahiran yang berikutnya.</td>
</tr>
<tr>
<td>Nilai dan Sikap</td>
<td colspan="2">Bekerjasama dan saling membantu, berhati-hati dan teliti dalam mencari jawapan semasa aktiviti permainan dijalankan.</td>
</tr>
</table>

Lembaran Kerja 3

Tuliskan nombor berikut dalam perkataan.

1) 7.34 juta

2) 0.023 juta

3) 6.04 juta

4) 8.21 juta

5) 0.503 juta

6) 8.8 juta

7) 2.013 juta

Lembaran Kerja 4

Tuliskan perkataan yang diberi dalam bentuk nombor.

1) Dua perpuluhan sifar empat juta

2) Tiga perpuluhan enam dua juta

3) Tujuh perpuluhan lima sifar tujuh juta

4) Enam perpuluhan sifar sifar satu juta

5) Satu perpuluhan satu juta

6) Tujuh perpuluhan tujuh tujuh satu juta

Lembaran Kerja 5

Tuliskan nombor berikut dalam perkataan.

a) 2.45 juta

b) 0.076 juta

c) 1.05 juta

d) 3.79 juta

Tuliskan perkataan berikut dalam bentuk nombor.

a) Satu perpuluhan lima tiga juta

b) Enam perpuluhan tiga empat tiga juta

c) Dua perpuluhan sifar sifar tujuh

d) Lapan perpuluhan lima juta

Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Nombor Dan Operasi

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:

1.3 Nombor hingga tujuh digit.

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:

(iv) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan nombor bulat, perpuluhan dan pecahan melibatkan operasi penambahan, penolakan, pendaraban, pembahagian dan operasi bergabung termasuk penggunaan anu dalam situasi yang diberi.

Masa: 90 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian dan Analisis	a. Paparkan satu situasi harian seperti contoh di bawah: Syarikat Mawar telah mengimport 0.16 juta biji oren. Pihak pengurusan syarikat telah mengedarkan sebahagian oren kepada pertubuhan anak-anak yatim. Kini syarikat masih mempunyai bekalan oren sebanyak 60 ribu biji oren. b. Minta murid menyatakan 'anu' dalam situasi yang diberi. **sebahagian oren** c. Minta murid membentuk ayat matematik dari situasi di atas. **0.16 juta – ____ = 60 000** d. Minta murid mencari nilai berapa oren yang diberi pada anak-anak yatim. e. Bincangkan dengan murid bagaimana mencari anu bagi situasi di atas. f. Bina situasi lain dan minta murid menyelesaikan situasi tersebut.	Sila lihat situasi yang dipaparkan. Nyatakan anu dalam situasi ini.

2. Imaginasi Penjanaan Idea Sintesis Idea	a. Sediakan kad soalan di dalam kotak. Minta murid ambil kad soalan dari kotak dan pamerkan pada kelas. Bincang bersama murid situasi dalam soalan tersebut. Contoh: Kilang Bunga Mas mengeluarkan cawan seramik. $\frac{1}{2}$ juta daripada cawan tersebut berwarna merah, $\frac{1}{4}$ juta bercorak bunga. Berapa jumlah keluaran kilang itu? Nyatakan dalam nombor bulat. b. Bincangkan proses penyelesaian dengan mengadakan perbincangan dengan murid. c. Tunjukkan proses pendaraban dengan 1 000 000 bagi menukar pecahan ke nombor bulat. d. Ulang aktiviti di atas dengan beberapa kad yang berlainan situasi.	Kenal pasti situasi ini. Selesaikan.
3. Perkembangan Penambahbaikan Menilai	Agihkan kad-kad penyelesaian masalah kepada 5 kumpulan. Pasaraya Maidin mempunyai stok bekalan daging sebanyak 0.7 juta kilogram. 536 ribu kilogram daging lembu dan bakinya adalah daging kambing. Menjelang Hari Raya, Bank Daya menghadiahkan sampul 'hari raya' kepada para pelanggannya. Sebanyak 0.1 juta pek telah dihadiahkan dan setiap pek itu mengandungi beberapa keping sampul 'hari raya'. Kesemuanya terdapat 0.5 juta keping sampul hari raya semuanya.	Bincang dalam kumpulan. Kenal pasti anu dalam situasi ini. Gariskan anu bagi situasi yang dipaparkan. Bina ayat matematik dari situasi yang diberi dan cari hasil bagi nilai yang tidak diketahui. Selesaikan masalah dengan menggunakan pelbagai kaedah dan strategik yang telah dipelajari.

	Sebuah Badan Kebajikan Masyarakat telah mengumpulkan sebanyak 0.89 juta pasang pakaian. Sejumlah pasang pakaian telah diedarkan ke 2579 buah rumah anak yatim. $\frac{1}{4}$ juta pakaian belum diedarkan. Dalam satu projek perumahan, sebuah syarikat pembinaan akan membina 0.095 juta buah rumah. Setiap rumah memerlukan 100 kampit simen. Berapa kampit simen di perlukan oleh syarikat tersebut untuk menyiapkan projek tersebut? Sebuah syarikat pengiklanan telah mencetak 0.167 juta helai kertas. Setiap iklan memerlukan 1000 helai kertas. Berapa jumlah iklan yang dicetak oleh syarikat tersebut? Setiap kumpulan diminta menyelesaikan soalan yang diberikan.	Guru boleh mencadangkan pelbagai kaedah dan strategik untuk menyelesaikan masalah tersebut.
4. Tindakan Pelaksanaan Amalan Berterusan	a. Edarkan Lembaran Kerja 6 pada setiap murid. b. Bincang jawapan bersama murid.	Selesaikan latihan pada lembaran kerja yang diberi.
Pentaksiran	Berdasarkan kepada keupayaan murid menjawab soalan di lembaran kerja. Murid perlu menjawab dengan betul kesemua soalan sebelum beralih kepada kemahiran berikutnya.	
Nilai dan Sikap	Bekerjasama, tolong menolong, bertolak ansur, berdikari dan berusaha.	

Lembaran Kerja 6

Selesaikan.

1. Pada musim perayaan Lebuh raya Utara Selatan telah dilalui oleh 0.5 juta kenderaan. Jika $\frac{3}{8}$ juta adalah kenderaan awam, $\frac{1}{2}$ juta bas persiaran, berapakah jumlah kenderaan persendirian yang melalui lebuh raya ini.

2. Sebuah syarikat alat tulis telah mengeluarkan sebanyak 2.67 juta alat tulis. $\frac{3}{4}$ juta pembaris, $\frac{1}{2}$ juta pensil warna dan selebihnya adalah pen merah dan pen biru. Berapa pen merah dan pen biru yang dihasilkan.

3. Puan Fatimah telah mengeluarkan 0.025 juta kuih tart jem untuk sambutan hari raya. Jika 100 biji kuih tart jem nenas memerlukan 1.7 kilo jem nenas, berapa kilo jem nenas yang diperlukan untuk menghasilkan kuih tersebut.

4. Sebuah pasaraya besar telah mengedarkan $\frac{7}{8}$ juta pamplet untuk pelanggannya, $\frac{3}{4}$ juta pamplet pula telah diletakkan kaunter khidmat pelanggan dan manakala selebihnya masih belum dicetak. Jika pihak pengurusan memerlukan 2.75 juta pamplet, berapakah yang perlu pihak pengurusan untuk mencetak pamplet tersebut.

5. Encik Ahmad telah menghsilkan benih-benih ikan yang bermutu tinggi untuk bekalan penternak-penternak ikan di daerahnya. Jika seorang penternak ikan memerlukan 0.034 juta benih ikan setiap bulan, berapakah benih ikan yang perlu dikeluarkan oleh Encik Ahmad untuk 25 penternak ikan dalam masa satu tahun.

Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Pecahan

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:

2.1 Darab pecahan.

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:

(i) Mendarab sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bercampur.

Masa: 90 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian	a. Paparkan kad imbasan yang menunjukkan pendaraban pecahan wajar. Contoh: $\frac{1}{2} \times \frac{3}{4}$ b. Minta murid memerhati dan menyebut kad imbasan tersebut. c. Gunakan gambar rajah untuk mencari jawapan bagi soalan di beri.  $\frac{3}{8}$ d. Ulang aktiviti a hingga c dengan soalan yang lain.	Bahagikan kepada $\frac{1}{2}$ Pecahkan $\frac{3}{4}$ membelah bentuk berlorek dan tidak berlorek.

2. Imaginasi Penjanaan Idea	a. Paparkan kad imbasan serta terangkan kaedah pendaraban pecahan langkah demi langkah. $\frac{1}{2} \times \frac{3}{4} = \frac{1 \times 3}{2 \times 4} = \frac{3}{8}$ b. Minta murid melakukan aktiviti a dengan menggunakan ayat matetik yang lain. c. Murid membincangkan jawapan bersama dengan guru.	
3. Perkembangan	a. Tunjukkan kaedah pendaraban pecahan wajar dengan pecahan wajar dan pecahan wajar dengan nombor bercampur langkah demi langkah. Contoh: i. $\frac{5}{6} \times \frac{3}{7} = \frac{5 \times 3}{6 \times 7} = \frac{15}{42} = \frac{15 \div 3}{42 \div 3} = \frac{5}{14}$ **Cara lain**: $= \frac{5}{\cancel{6}_{2}} \times \frac{\cancel{3}^{1}}{7} = \frac{5 \times 1}{2 \times 7} = \frac{5}{14}$ ii. $\frac{2}{3} \times 1\frac{3}{5} = \frac{2}{3} \times \frac{(5 \times 1) + 3}{5}$ $= \frac{2}{3} \times \frac{8}{5}$ $= \frac{16}{15}$ $= 1\frac{1}{15}$	Murid memerhati kaedah yang ditunjukkan. Sekali lagi, murid diterangkan cara mendarab pecahan dengan betul. Jadikan jawapan dalam bentuk termudah.

	b. Murid dibahagikan kepada 5 kumpulan.  c. Murid menjawab soalan daripada lembaran kerja berkumpulan yang diedarkan. d. Murid membentangkan hasil kerja di hadapan kelas.	ii) Sekiranya pecahan wajar didarabkan dengan nombor bercampur, nombor bercampur perlu ditukar kepada pecahan tak wajar terlebih dahulu sebelum proses pendaraban diselesaikan. laksanakan tugasan yang diberi secara berkumpulan. Terangkan cara mereka mendapatkan jawapan.
4. Tindakan Pelaksanaan	a. Murid membuat latihan secara individu pada lembaran kerja yang diedarkan. b. Murid bincangkan hasil kerja mereka.	Murid menyelesaikan tugasan yang diberi. Murid menunjukkan langkah kerja yang betul.
Pentaksiran	Berdasarkan kepada keupayaan murid menyelesaikan lembaran kerja secara individu.	
Nilai dan Sikap	Teliti, bekerjasama, bertolak ansur dan berusaha	

Lembaran Kerja 7

LEMBARAN KERJA BERKUMPULAN

Jawab semua soalan berikut.

1) $\frac{1}{5} \times \frac{4}{5} =$

2) $\frac{5}{9} \times \frac{3}{7} =$

3) $3\frac{7}{9} \times \frac{9}{4} =$

4) $\frac{4}{7} \times \frac{8}{9} =$

Lembaran Kerja 8

LEMBARAN KERJA INDIVIDU

Jawab semua soalan berikut.

1) $\frac{2}{3} \times \frac{1}{5} =$	6) $\frac{1}{6} \times \frac{6}{7} =$
2) $\frac{1}{6} \times \frac{6}{7} =$	7) $6\frac{2}{3} \times \frac{3}{5} =$
3) $5\frac{3}{4} \times \frac{4}{7} =$	8) $1\frac{3}{5} \times \frac{1}{3} =$
4) $\frac{8}{9} \times \frac{8}{9} =$	9) $\frac{2}{5} \times \frac{5}{7} =$
5) $\frac{3}{5} \times \frac{1}{6} =$	10) $4\frac{1}{7} \times \frac{7}{9} =$

Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Pecahan

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:

2.2 Bahagi pecahan

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:

(i) Membahagi sebarang pecahan wajar dan nombor bercampur dengan pecahan wajar dan nombor bulat.

Masa: 60 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian dan Analisis	a. Letakkan sebiji kek di atas meja. b. Potong kek tersebut kepada 4 bahagian dan diagihkan kepada kumpulan tiga orang murid. c. Setiap kumpulan pula diminta untuk memotong dan mengagihkan potongan kek kepada setiap ahli dalam kumpulan. d. Bincangkan hasil aktiviti yang dilakukan.	Sila perhatikan apa yang cikgu lakukan. Adakah saiz kek yang dipotong sama besar? Potong kek tersebut untuk di agihkan kepada ahli kumpulan.
2. Imaginasi Penjanaan Idea Sentesis Idea	a. Agihkan 2 kad petak kepada 6 kumpulan murid. **Kad 1** b. Minta murid membahagikan kad petak kepada empat bahagian yang sama dan lorekkan satu bahagian. 	Buat pecahan $\frac{1}{4}$ menggunakan kad segiempat kamu

	c. Seterusnya murid perlu membahagi setiap bahagian $\frac{1}{4}$ kepada 3 bahagian yang sama. 	Bahagikan kad pecahan tadi kepada 3 bahagian lain yang sama besar. Potong kad.
	d. Minta murid menyatakan bahagian berlorek daripada setiap potongan daripada seluruh rajah.	
	e. Bimbing murid untuk menulis ayat matematik. $\frac{1}{4} \div 3 = \frac{1}{12}$	Setiap bahagian adalah $\frac{1}{12}$ daripada seluruh rajah
	Kad 2 a. Ulang aktiviti di atas dengan meminta murid menggunakan kad untuk menyelesaikan $\frac{1}{3} \div 2$ 	Bahagikan kepada 3 bahagian. Lorekkan $\frac{1}{3}$ Bahagikan 2 kawasan yang berlorek. Hasilnya ialah $\frac{1}{6}$
	b. Ulang aktiviti yang melibatkan pembahagian pecahan dengan nombor bulat bagi ayat matematik yang lain.	

3. Perkembangan Penambahbaikan Menilai	a. Jelaskan kepada murid pembahagian pecahan dengan nombor bulat secara mekanikal. Contoh: **Cara 1**: Menukarkan ÷ kepada × $\frac{2}{5} \div 4 =$ $\frac{2}{5} \div \frac{4}{1} =$ $\frac{2}{5} \times \frac{1}{4} = \frac{2}{20} = \frac{1}{10}$ **Cara 2**: Samakan penyebut. $\frac{2}{5} \div 4 =$ $\frac{2}{5} \div \frac{4 \times 5}{1 \times 5}$ $\frac{2}{5} \div \frac{20}{5} = \frac{2}{20} = \frac{1}{10}$ b. Jelaskan kepada murid pembahagian pecahan wajar dengan pecahan wajar menggunakan gambar rajah. Contoh: $\frac{1}{3} \div \frac{1}{2} =$ 	Jadikan 4 sebagai pecahan $\frac{4}{1}$. Tukarkan ÷ kepada × dan tukarkan pecahan $\frac{4}{1}$ kepada $\frac{1}{4}$.



$\frac{2}{3}$

c. Tegaskan kepada murid dengan menggunakan gambar rajah, penggunaan secara mekanikal juga boleh di lakukan.

Cara 1: Menukarkan ÷ kepada ×.

$\frac{3}{8} \div \frac{2}{3} =$

$\frac{3}{8} \times \frac{3}{2} = \frac{9}{16}$

Cara 2: Samakan penyebut.

$\frac{3}{8} \div \frac{2}{3} =$

$\frac{3 \times 3}{8 \times 3} \div \frac{2 \times 8}{3 \times 8} =$

$\frac{9}{24} \div \frac{16}{24} = \frac{9}{16}$

d. Edarkan Lembaran Kerja 9 kepada murid.

e. Murid menyelesaikan silang pecahan secara berpasangan.

f. Bentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.

4. Tindakan Pelaksanaan Amalan Berterusan	a. Murid menyelesaikan Lembaran Kerja 10 secara individu. b. Pilih beberapa orang murid secara rawak untuk menunjukkan hasil kerja mereka. c. Bincangkan juga pembahagian nombor bercampur dengan nombor bulat dan nombor bercampur dengan pecahan wajar.	
Pentaksiran	Penilaian dibuat berdasarkan aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan dan individu.	
Nilai dan Sikap	Bekerjasama, tolong menolong, bertolak ansur, berdikari dan berusaha.	

Lembaran Kerja 9

Cari hasil bahagi bagi pasangan pecahan pada petak di bawah.



Tunjukkan jalan pengiraan anda di bawah.

1.	**2.**	**3.**	**4.**
5.	**6.**	**7.**	**8.**

Lembaran Kerja 10

1. Cari hasil bahagi bagi pecahan di bawah. Gunakan gambar rajah bagi mencari jawapan?

a) $\frac{1}{2} \div \frac{1}{4} =$

b) $\frac{1}{4} \div \frac{1}{5} =$

c) $\frac{2}{3} \div \frac{1}{2} =$

d) $\frac{2}{5} \div \frac{1}{3} =$

2. Cari hasil bahagi.

a) $\frac{1}{5} \div \frac{1}{2} =$

b) $\frac{1}{4} \div \frac{1}{8} =$

c) $\frac{3}{7} \div \frac{1}{7} =$

d) $\frac{2}{3} \div \frac{1}{9} =$

c) $\frac{4}{5} \div \frac{2}{5} =$

e) $\frac{1}{5} \div \frac{1}{10} =$

Bidang: Nombor dan Operasi

Tajuk: Pecahan

Standard Kandungan: Murid dibimbing untuk:

2.3 Penyelesaian masalah melibatkan pecahan.

Standard Pembelajaran: Murid berupaya untuk:

(i) Menyelesaikan masalah harian yang melibatkan pendaraban dan pembahagian pecahan.

Masa: 90 minit

Fasa	Cadangan Aktiviti	Cadangan Komunikasi
1. Persediaan Pemerhatian dan Analisis	a. Setiap murid diberi satu papan kerja dan pen *marker* untuk menulis jawapan. b. Paparkan satu situasi. Boleh gunakan '*Power Point*'. **Contoh 1** En. Razi mempunyai sebuah kebun bunga yang cantik. Dia telah membahagi setengah daripada kebunnya kepada 4 bahagian yang sama luas untuk menanam bunga ros, bunga raya, bunga kertas dan bunga matahari. Apakah pecahan bagi bahagian bunga ros? c. Minta murid baca situasi yang ditunjukkan. d. Bimbing murid keluarkan maklumat daripada situasi yang diberi, dari satu ayat ke satu ayat. Minta murid catatkan maklumat tersebut dalam ruang Langkah Kerja pada papan kerja murid. e. Bimbing murid untuk menentukan operasi yang terlibat dan menulis ayat matematik bagi situasi tersebut dalam ruang Langkah Pengiraan pada papan kerja murid. Rujuk **Lampiran 1**	i. Cuba anda kenal pasti dan catatkan maklumat yang diberikan dalam situasi ini atau ii. Lakarkan apa yang anda faham tentang situasi ini. iii. Cuba bentuk ayat matematik berdasarkan situasi ini.

	f. Ulang aktiviti a hingga e dengan situasi lain. **Contoh 2** Ada $\frac{1}{2}$ biji tembikai, kemudian dipotong $\frac{1}{8}$ untuk diberi setiap satu kepada Siti dan 7 orang. Berapa bahagian Siti dapat? g. Ulang aktiviti f dengan melibatkan penyelesaian masalah: **Pendaraban** • Pecahan wajar dengan pecahan wajar. • Pecahan wajar dengan nombor bercampur. • Nombor bercampur dengan pecahan wajar. • Nombor bercampur dengan nombor bercampur. **Pembahagian** • Pecahan wajar dengan pecahan wajar. • Nombor bercampur dengan pecahan wajar. • Pecahan wajar dengan nombor bulat. • Nombor bercampur dengan nombor bulat.	
2. Imaginasi Penjanaan Idea Sintesis Idea	Aktiviti Berstesen Rujuk **Lampiran 2** a. Murid dibahagikan kepada 4 atau 5 kumpulan, mengikut bilangan stesen. b. Setiap kumpulan diberikan papan kerja mengikut bilangan situasi penyelesaian masalah dan pen *marker*. c. Setiap stesen dipaparkan situasi yang berbeza. Setiap kumpulan akan menyelesaikan situasi/soalan di stesen mereka berada dalam tempoh tertentu. d. Setiap kumpulan akan bergerak dari stesen ke stesen untuk menyelesaikan semua situasi/soalan.	

<table>
<tr>
<td>3. Perkembangan

Penambahbaikan

Menilai</td>
<td>a. Paparkan dan bincangkan semua penyelesaian bagi setiap situasi/soalan bersama semua murid.

b. Bimbing murid untuk menyemak jawapan-jawapan yang diberikan.

c. Minta murid membuat pembetulan jika jawapan yang diberikan salah.</td>
<td>Minta murid memberi penerangan terhadap jawapan yang diberikan.</td>
</tr>
<tr>
<td>4. Tindakan

Pelaksanaan

Amalan Berterusan</td>
<td>Aktiviti individu murid dalam bentuk pembelajaran koorperatif.

a. Murid-murid duduk di dalam kumpulan berempat.
b. Setiap individu murid diberikan satu soalan penyelesaian masalah yang berbeza.
c. Murid dikehendaki menjawab soalan tersebut.
d. Kemudian, tukar soalan antara murid sehingga semua soalan dijawab oleh setiap individu murid.
e. Guru membimbing murid yang lemah.
 
</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td>Pentaksiran</td>
<td colspan="2">Penilaian dibuat berdasarkan aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan dan individu.</td>
</tr>
<tr>
<td>Nilai dan Sikap</td>
<td colspan="2">Bekerjasama, tolong menolong, bertanggungjawab, berdikari dan berusaha.</td>
</tr>
</table>

Lampiran 1

PAPAN KERJA SAYA

Nama:_____

SOALAN: Contoh 1

LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN
Membahagi **setengah** daripada kebun kepada 4 bahagian.	$\frac{1}{2} \div 4 = \frac{1}{2} \times \frac{1}{4}$
	$= \frac{1}{8}$
	Atau
	$\frac{1}{2} \div 4 = \frac{1}{2} \div \frac{4 \times 2}{1 \times 2} \rightarrow$ $= \frac{1}{2} \div \frac{8}{2}$ $1 \div 8 = \frac{1}{8}$

PAPAN KERJA SAYA

Nama:_____

SOALAN: Contoh 2	
LANGKAH KERJA a) Maklumat diberi: b) Maklumat Dicari:	LANGKAH PENGIRAAN

STESEN 1

Seorang jurulatih ingin mengadakan satu pertandingan lumba lari berganti. Larian adalah sejauh $1\frac{1}{2}$ kali pusingan trek. Jika seorang pelari perlu berlari $\frac{1}{2}$ pusingan trek, berapa ramai pelari yang diperlukan dalam satu satu pasukan untuk pertandingan tersebut?

Kumpulan A

STESEN 2

Penyelesaian masalah bagi:

$\frac{2}{5} \times \frac{2}{3} =$

Kumpulan B

STESEN 3

Penyelesaian masalah bagi:

$5\frac{1}{3} \div \frac{3}{4} =$

Kumpulan

STESEN 4

Penyelesaian masalah bagi:

$\frac{4}{9} \times \frac{1}{2} =$

Kumpulan

Contoh Penyelesaian

PAPAN KERJA SAYA

Nama Kumpulan: Kumpulan A

SOALAN: STESEN 1

LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN
Mula  Tamat	$1\frac{3}{4} \div \frac{1}{2} = \frac{3}{2} \div \frac{1}{2}$ $= \frac{3}{2} \times \frac{2}{1}$ $= 3$

PAPAN KERJA SAYA

Nama: Kumpulan B

SOALAN: STESEN 1

LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN
1. $1\frac{1}{2}$ kali pusingan 2. 1 pelari → $\frac{1}{2}$ pusingan 3. ? pelari → $1\frac{1}{2}$ pusingan	$1\frac{1}{2} \div \frac{1}{2} = \frac{3}{2} \div \frac{1}{2}$ $= 3 \div 1$ $= 3$

LEMBARAN KERJA

PAPAN KERJA SAYA

Nama:_____

SOALAN 1:	
LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN

PAPAN KERJA SAYA

Nama:_____

SOALAN 2:	
LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN

PAPAN KERJA SAYA

Nama:_____

SOALAN 3:

LANGKAH KERJA	LANGKAH PENGIRAAN

